

**KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN
MULTIMEDIA
JABATAN PENYIARAN MALAYSIA
UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA
PROJEK PEMBANGUNAN SEMULA KOMPLEKS
ANGKASAPURI SEBAGAI BANDAR MEDIA**

Perkara Utama

**Apa yang
diaudit?**

- Projek Pembangunan Semula Kompleks Angkasapuri berkonsepkan idea Bandar Media telah dicadangkan oleh Kerajaan pada tahun 2009. Pembangunan semula ini melibatkan dua komponen utama iaitu pembinaan bangunan baharu dan pembekalan fasiliti penyiaran. Projek ini melibatkan kos projek berjumlah RM860 juta merangkumi tiga perjanjian iaitu Perjanjian Pajakan 1, Perjanjian Pajakan 2 dan Perjanjian Konsesi.
- Model *Private Finance Initiative* (PFI) yang digunakan untuk pembangunan projek ini adalah *Built-Lease-Maintain-Transfer* (BLMT) yang mana syarikat konsesi akan membina kemudahan infrastruktur atas tanah Kerajaan menggunakan dana syarikat. Projek ini juga melibatkan tukaran tanah berkeluasan 11.3 ekar yang bernilai RM137.19 juta.
- Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Projek Pembangunan Semula Kompleks Angkasapuri Sebagai Bandar Media telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan iaitu membangunkan Bandar Media yang akan menjadi mercu tanda kepada kemajuan industri penyiaran dan industri kreatif serta pemangkin kepada Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) ke arah era baru penyiaran negara.
- Projek ini juga bertujuan untuk menaik taraf dua saluran transmisi analog sedia ada kepada 10 saluran TV Digital serta menaik taraf produksi penyiaran daripada *Standard Definition* (SD) kepada *High Definition* (HD).
- Pengauditan ini meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan projek bagi tahun 2016 hingga 2021. Prestasi projek dinilai berdasarkan kepada pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Pengurusan projek pula meliputi prestasi kewangan,

pemilihan syarikat konsesi, tukaran tanah, *condition precedent* dan pengurusan aduan LA 1.

- Pengauditan telah dijalankan di Kementerian Komunikasi dan Multimedia (K-KOMM), Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) dan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS). Selain itu, pengauditan ini meliputi semakan terhadap rekod perancangan yang dibuat mulai tahun 2009.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pembangunan Bandar Media melibatkan komitmen Kerajaan berjumlah RM2.406 bilion yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11).
- Untuk menilai sama ada objektif yang ditetapkan bagi projek dicapai iaitu membangunkan Bandar Media yang akan menjadi mercu tanda kepada kemajuan industri penyiaran dan industri kreatif serta pemangkin kepada RTM ke arah era baru penyiaran negara.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, pelaksanaan Projek Pembangunan Semula Kompleks Angkasapuri sebagai Bandar Media adalah kurang memuaskan kerana hanya satu projek yang telah disiapkan manakala dua lagi projek belum siap sepenuhnya. Namun, bagi elemen peningkatan dua saluran transmisi analog SD sedia ada kepada 10 saluran TV Digital HD telah tercapai. Prestasi keberhasilan belum dilaksanakan disebabkan projek masih belum siap keseluruhannya. Penilaian terhadap KPI LA 1 bagi tempoh dua tahun penyenggaraan mendapati pencapaiannya secara keseluruhan adalah kurang memuaskan dan menyebabkan prestasi penyiaran menurun. Selain itu, statistik bilangan penonton/pendengar siaran TV dan saluran radio semakin berkurangan pada tahun 2021 berbanding tahun 2020. Kelemahan yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:
 - Kelewatan penyiapan projek telah menyebabkan kerugian di pihak Kerajaan dari segi keselesaan kakitangan, ruang penyimpanan terhad, kelewatan penggunaan kemudahan dan bangunan baharu yang sepatutnya boleh diperolehi dan digunakan lebih awal;
 - Pemilihan syarikat dengan kedudukan kewangan yang tidak kukuh telah merugikan Kerajaan dan mengakibatkan berlakunya kelewatan dalam pelaksanaan projek;

- Kelewatan memuktamadkan keluasan tanah akan menyebabkan penetapan kadar bayaran *Availability Charges* bagi CA dalam perjanjian tidak dapat ditentukan nilai komitmen kewangan Kerajaan;
- Kelewatan dalam penyelesaian isu pencerobohan akan menyukarkan proses penyerahan tanah kelak;
- Lanjutan *Condition Precedent* yang terlalu lama menyebabkan projek lewat disiapkan; dan
- Perkhidmatan penyenggaraan syarikat konsesi adalah kurang cekap dan boleh mengganggu prestasi penyiaran.

**Apa yang
disyorkan
Audit?**

- Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara sama tidak berulang pada masa hadapan, pihak Audit mengesyorkan tindakan seperti berikut:
 - K-KOMM/UKAS hendaklah memastikan pemilihan syarikat konsesi adalah berdasarkan garis panduan yang ditetapkan supaya syarikat yang dipilih berupaya untuk melaksanakan projek yang dirancang tanpa masalah kewangan dan pengurusan.
 - UKAS hendaklah menyediakan satu garis panduan yang jelas mengenai penetapan caj dan bayaran bagi memastikan Kerajaan mendapat *value for money*.
 - K-KOMM/RTM perlu memastikan tadbir urus adalah menyeluruh dan berkesan terutamanya dalam aspek pengurusan penyenggaraan supaya pelaksanaan projek berjaya dicapai mengikut objektif yang ditetapkan.

